

## **1088- URUSAN JUAL-BELI MOTOSIKAL BERKUASA RENDAH SECARA HUTANG DI MALAYSIA: KAJIAN PERBANDINGAN PENAWARAN PRODUK PINJAMAN KONVENSIONAL DAN PEMBIAYAAN PATUH SYARIAH**

**HAIRULLFAZLI BIN MOHAMMAD SOM**

Fakulti Syariah dan Undang-Undang,  
Universiti Islam Antarbangsa Selangor (UIS)

[hairullfazli@kuis.edu.my](mailto:hairullfazli@kuis.edu.my)

**MOKTHAR BIN HJ. ISMAIL**

Fakulti Pengurusan dan Muamalah  
Universiti Islam Antarbangsa Selangor (UIS)

**MOHD ISA BIN MOHD DENI**

**DR. MOHD. KAMARUL KHAIDZIR BIN MOHD. SAADAN**

Fakulti Syariah dan Undang-Undang,  
Universiti Islam Antarbangsa Selangor (UIS)

### **ABSTRAK**

*Permintaan pengguna untuk motosikal berkuasa rendah dengan enjin berkapasiti bawah 200 sentimeter padu amat tinggi di Malaysia. Penawaran oleh pihak penjual juga wujud bagi memenuhi pasaran yang sentiasa dinamik. Terdapat dua kaedah dalam urusan jual-beli motosikal iaitu secara tunai atau hutang. Kajian ini bertujuan mengkaji jual-beli motosikal berkuasa rendah dengan kaedah hutang, samada secara pinjaman konvensional atau pembiayaan patuh syariah di Malaysia. Tujuan utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti pihak-pihak yang menawarkan kemudahan pinjaman dan pembiayaan pembelian motorsikal berkuasa rendah bagi mereka yang tidak mampu membeli secara tunai. Metodologi kajian ini bersifat kualitatif. Pendekatan berbentuk pemerhatian dan temubual dengan pihak berkepentingan iaitu penjual motosikal berkuasa rendah dilakukan untuk mendapatkan data kualitatif bagi memenuhi tujuan kajian. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa urusan jual-beli dalam pasaran motosikal lebih mudah menggunakan pinjaman konvensional berbanding pembiayaan patuh syariah. Hal ini demikian kerana kemudahan pembiayaan yang patuh syariah agak terhad dan pembiayaan tidak patuh syariah lebih meluas. Situasi ini dipengaruhi oleh majoriti penjual motosikal bukan Islam yang tidak terikat dengan halal dan haram dalam muamalat Islam. Tambahan pula, pengguna sentiasa tertarik kepada cara jual beli yang mudah dan pantas mendapat kelulusan demi memenuhi keperluan pengangkutan bermotosikal. Kajian ini mencadangkan agar institusi kewangan Islam mencipta lebih banyak produk pembiayaan jual-beli motosikal berkuasa rendah yang patuh syariah, serta mempergiatkan kempen memperkenalkan produk tersebut melalui saluran media sosial. Pelaksanaan kajian ini bersifat jangka masa pendek dan memerlukan kajian lanjut*

**Kata Kunci:** *motosikal berkuasa rendah, pembiayaan patuh syariah, pinjaman konvensional, pilihan pengguna.*

### **PENGENALAN**

Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau Akta 333 mentakrifkan kenderaan sebagai “suatu struktur yang boleh bergerak atau digerakkan atau digunakan bagi membawa mana-mana orang atau benda dan yang bersentuhan dengan permukaan bumi apabila bergerak” (Kerajaan Malaysia, 2013). Motosikal pula ditakrifkan sebagai sebuah kenderaan beroda dua dengan pelbagai saiz enjin untuk kegunaan oleh seorang atau dua orang penunggang (Dewan Bahasa

dan Pustaka, 2017). Seksyen 5(1)(a) Akta 333, mengkelaskan semua kenderaan bermotor yang mempunyai kurang daripada empat roda dengan berat tanpa muatannya tidak melebihi empat ratus lima puluh kilogram sebagai sebuah motosikal (Kerajaan Malaysia, 2013).

Pelbagai kategori motosikal wujud dalam pasaran Malaysia, bergantung kepada fungsi dan reka bentuknya. Motosikal dalam kategori “moped” atau “kapcai” amat popular di kalangan pengguna Malaysia (Irwan Asri, 2018). Ini disebabkan oleh harganya murah, kos penyelenggaraan berpatutan, penjimatan bahan api, kedudukan tunggangan selesa, dan lincah menghadapi halangan atas jalan raya. Permintaan pengguna untuk motosikal “kapcai” dengan enjin bersesaran bawah 200 sentimeter padu amat tinggi. Penawaran oleh pihak penjual juga wujud bagai cendawan selepas hujan bagi memenuhi pasaran yang sentiasa dinamik.

Terdapat dua kaedah dalam urusan jual-beli motosikal iaitu secara tunai atau hutang. Pengguna yang mampu membeli motosikal berkuasa rendah secara tunai kebiasaannya terdiri daripada golongan berpendapatan sederhana, iaitu penduduk Malaysia dalam kategori M40; dan berpendapatan tinggi, iaitu mereka yang berada dalam kumpulan T20 (Shahrman, 2020; Zulkifli, 2023). Manakala, golongan berpendapatan rendah iaitu kategori B40 memilih untuk membeli secara hutang, samada menggunakan pinjaman konvensional maupun pembiayaan patuh syariah (Arif Aiman, 2022).

Kajian berkaitan urusan jual-beli motosikal berkuasa rendah dengan kaedah hutang, samada melalui pinjaman konvensional atau pembiayaan patuh syariah di Malaysia agak terhad dan perlu dikembangkan. Sehubungan itu, tujuan utama kajian ini dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a. Mengenalpasti pihak-pihak yang memberikan perkhidmatan pinjaman dan pembiayaan dalam jual-beli motosikal berkuasa rendah dan
- a. Membincangkan cadangan penambahbaikan berkaitan jual-beli motosikal berkuasa rendah secara hutang di Malaysia.

## **METODOLOGI**

Metodologi kajian ini bersifat kualitatif. Pendekatan berbentuk temubual dengan pihak berkepentingan iaitu penjual motosikal berkuasa rendah dilakukan untuk mendapatkan data kualitatif bagi memenuhi tujuan kajian. Maklumat berkaitan motosikal berkuasa rendah diperolehi dari brosur pemasaran yang banyak terdapat di kedai motosikal. Maklumat berkaitan kaedah jual-beli motosikal secara tunai atau hutang, merangkumi pinjaman konvensional dan pembiayaan patuh syariah diperolehi melalui carian di website institusi kewangan, koperasi dan sesi temubual secara online dengan penjual motosikal.

## **SOROTON LITERATUR**

### ***Pasaran Motosikal di Malaysia***

Pasaran motosikal Malaysia berkembang pesat. Saiz pasaran semakin bertambah besar, daripada kedudukan ke-14 terbesar dunia pada 2019 (Shawn, 2020), ia berjaya melonjak dua anak tangga menjadi ke-12 terbesar di dunia pada 2022 (Motorcycles Data Team, 2023). Jumlah pendaftaran baharu motosikal di Malaysia meningkat sebanyak 7 peratus pada 2021, iaitu daripada 574,372 buah pada 2020 kepada 616,648 buah pada 2021 (Kementerian Pengangkutan Malaysia, 2022). Pertambahan ini menjadikan jumlah terkumpul motosikal

berdaftar di Malaysia sebanyak 15,506,689 buah pada 2021 (Kementerian Pengangkutan Malaysia, 2022). Statistik ringkas ini membuktikan pengguna kenderaan bermotor di Malaysia kekal setia memilih motosikal sebagai kemudahan utama untuk bergerak dari satu titik ke titik yang lain.

Secara umumnya, motosikal dalam pasaran Malaysia boleh dibahagikan kepada sembilan kategori (Mohd. Farhan, 2022) seperti yang tersenarai dalam Jadual 1.

Jadual 1: Kategori Motosikal yang terdapat dalam Pasaran Malaysia

Bil	Kategori	Penerangan
1.	“Moped” atau “Kapcai”	Gabungan perkataan “Motor” dan “Pedal” menghasilkan istilah “Moped” (Mohd. Farhan, 2022). Lebih dikenali dengan istilah tempatan sebagai “kapcai,” ia merupakan model motosikal paling popular di Malaysia dengan size enjin satu silinder dua/empat lejang bersesaran kurang daripada 200 sentimeter padu. Enjin dipacu dengan transmisi atau gear separuh automatik. Jimat minyak dan mudah diselenggara.
2.	“Skuter”	Skuter ialah sejenis motosikal yang mempunyai gaya tunggangan santai dengan saiz enjin satu silinder dua/empat lejang bersesaran diantara 150 hingga 750 sentimeter padu. Sesuai untuk tunggangan dalam kawasan bandar, enjinnya dipacu dengan transmisi atau gear automatik sepenuhnya.
3.	“Sportbike”	Kategori ini mementingkan enjin berprestasi tinggi (bersaiz antara 250 dan 1200 sentimeter padu) dan kelajuan di atas jalan raya. Kerangka badan motosikal ini dibina kukuh untuk prestasi terbaik semasa mengambil selekoh atau membrek secara agresif. Ia dibina dengan berat yang rendah berbanding motorsikal dalam kategori lain.
4.	“Naked Bike”	Sebuah motosikal pelbagai guna dengan harga berpatutan berbanding “sportbike”. Mempunyai ciri-ciri asas sebuah “sportbike” tetapi tidak memiliki penutup enjin dan pelindung angin. Saiz enjin juga pelbagai, dari 250 hingga 750 sentimeter padu.
5.	“Dual Purpose”	Motosikal ini bersifat dua alam, mampu berfungsi dengan baik di atas jalanraya mahupun denai hutan/ padang pasir yang lasak. Binaan kerangka badan lebih tinggi, dilengkapi dengan penyerap hentak depan dan belakang yang berprestasi tinggi. Enjin bersesaran besar (650 hingga 1200 sentimeter padu) digunakan untuk memberi kekuatan melayan permukaan jalan/ denai yang pelbagai dalam jarak perjalanan jauh.
6.	“Cruiser”	Motosikal ini mudah ditunggang kerana bentuk fizikalnya yang rendah, santai, dan selesa. Enjin bersesaran besar tetapi tidak mengutamakan kelajuan. Kemampuan beroperasi dalam tempoh masa panjang tanpa henti bagi jarak perjalanan yang jauh lebih diutamakan.
7.	“Touring Bike”	Motosikal ini direka khusus untuk perjalanan jauh dalam tempoh yang lama. Rekabentuk teguh dengan pelbagai aksesori pengembaraan. Enjin bersesaran besar, antara 750 hingga 1200 sentimeter padu ditala untuk kelajuan, kelasakan, dan prestasi terbaik. Brek dan suspensi berkualiti tinggi untuk menyokong keperluan pengembaraan rentas sempadan geografi. Harga jualan amat mahal.
8.	“Retro”	Kategori ini wujud berasaskan rekabentuk luarannya yang mirip motosikal klasik. Sungguhpun begitu, enjinnya tetap terkini dan berprestasi tinggi, dengan pelbagai saiz sesaran (250 hingga 1000 sentimeter padu). Sesuai untuk tunggangan dalam bandar dan juga luar bandar.
9.	“Offroad”	Juga dikenali sebagai “dirt bike”, motosikal ini hanya sesuai ditunggang di jalan tidak berturap. Enjinnya bersesaran antara 250 hingga 450 sentimeter padu. Motosikal ini memiliki sifat seumpama seekor kuda liar yang agresif. Ia banyak digunakan untuk

		aktiviti sukan dan pengembaraan lasak/ ekstrim. Motosikal ini tidak didaftarkan untuk kegunaan atas jalanraya Malaysia.
--	--	---

Merujuk kepada Jadual 1, “moped” atau “kapcai” merupakan model paling diminati oleh pengguna dan peminat dan pengguna motosikal di Malaysia. Kategori ini menguasai keseluruhan pasaran motosikal Malaysia dengan jumlah jual-beli yang amat tinggi.

## **DAPATAN KAJIAN**

### ***Kaedah Jual-Beli Motosikal Berkuasa Rendah.***

Kaedah pembelian motorsikal seperti mana produk lain dijual secara tunai dan hutang. Bagi penjualan tunai biasa, pembeli akan membawa wang tunai ke premis untuk diserahkan. Mengikuti perkembangan semasa, pembayaran tunai boleh dilakukan secara online melalui pemindahan wang ke akaun penjual, penggunaan kad debit dan mengimbas kod QR iaitu sejenis kod bar generasi kedua. Ia merupakan sejenis penyimbolan dua dimensi yang telah dibangunkan oleh sebuah syarikat Jepun iaitu Denso Wave dan telah dikeluarkan pada tahun 1994.

Perbincangan utama dalam kajian ini ialah berkaitan pembelian secara hutang. Pembahagian pembelian secara hutang ini boleh dibahagikan kepada jenis pihak yang menawarkan perkhidmatan pembiayaan dan juga pembahagian berdasarkan kepada kategori pembiayaan patuh syariah dan kategori pembiayaan konvensional.

### ***Kategori Pihak Yang Memberikan Perkhidmatan Pembiayaan***

Pertama : Institusi kewangan seperti Bank Rakyat, Bank Muamalat dan Bank Simpanan Nasional

Kedua : Syarikat Kredit seperti JCL Kredit Leasing Sdn Bhd, Parkson Credit Sdn Bhd, Chailease Berjaya Credit Sdn Bhd, AEON Credit Services Malaysia Berhad.

Ketiga : Koperasi Koperasi Muslim Malaysia Berhad dan Koperasi Tenaga Nasional Berhad TNB

Keempat : Syarikat Kedai Motor CHJ (Chin Hin Jitra) di Meru, Klang, Chong Motor Kapar di Kapar Selangor dan Tenaga Motor Sdn Bhd, Bandar Puteri Bangi.

### ***Kategori Pembiayaan Konvensional***

Terdapat beberapa syarikat kredit yang menawarkan pembiayaan motorsikal kuasa rendah antaranya JCL Kredit Leasing Sdn Bhd, Parkson Credit Sdn Bhd, Chailease Berjaya Credit Sdn Bhd, Menurut penjual motor yang menggunakan khidmat kredit JCL Kredit Leasing Sdn Bhd, pembiayaan maksimum untuk selama 60 bulan dan kadar faedah sebanyak 0.833% sebulan atau 9.996% setahun. Pembiayaan ini adalah adalah hasil kerjasama (partnership) penjual dengan syarikat kredit. Kerjasama ini bukan sahaja melibatkan pinjaman motorsikal tetapi juga pinjaman-pinjaman barangan lain seperti perabot, alat elektronik dan peranti. Skim yang sama juga ditawarkan oleh Syarikat Kredit yang lain.

Seterus terdapat skim pinjaman motorsikal daripada kedai motor sendiri seperti di Syarikat Kedai Motor CHJ (Chin Hin Jitra) di Meru, Klang, Chong Motor Kapar di Kapar Selangor dan Tenaga Motor Sdn Bhd, Bandar Puteri Bangi. Syarikat Motor CHJ sebagai menawarkan pinjaman motorsikal sehingga 5 tahun dengan kadar faedah 10% setahun. Syarat dan dokumen permohonan berbeza sedikit jika dengan pembelian dengan dan tanpa deposit.

Sekiranya dengan deposit tinggi, hanya memerlukan salinan kad pengenalan pembeli dan dua waris sahaja. Dokumen bukti pendapatan tidak diperlukan.

### ***Kategori Pembiayaan Patuh Syariah***

Beberapa bank menawarkan skim pembiayaan motorsikal kuasa rendah. Namun hanya Bank Rakyat sahaja yang menawarkan produk i-motorsikalnya dengan nama I An-Naqlu kepada orang ramai, manakala Bank Muamalat dan Bank Simpanan Nasional hanya menawarkan pembiayaan kepada kakitangan awam sahaja. Produk bank rakyat I An-Naqlu menawarkan produk pembiayaan berdasarkan kepada akad tawarruq. Akad tawarruq merujuk kepada kontrak jual beli komoditi atau aset berdasarkan bayaran tangguh dengan harga aset ditambah dengan margin keuntungan (*murabahah*) atau tidak didedahkan harga kos dan margin keuntungan kepada pembeli oleh penjual (*musawamah*) kemudiannya aset atau komoditi akan dijual kepada pihak ketiga secara tunai bagi mendapatkan tunai. *Bai' tawarruq* juga dikenali sebagai komoditi *murabahah* (Bank Rakyat, 2022). Instrumen ini adalah bersesuaian untuk pelbagai syarat kewangan terutamanya pembiayaan peribadi, aliran tunai, menguruskan kecairan dan alat perangkaan pengurusan risiko (Dusuki & Abdullah, 2014).

Tujuan kontrak tawarruq hendaklah jelas dinyatakan antara institusi perbankan Islam dengan pelanggan seperti contoh tujuan pengambilan deposit, bantuan kewangan atau derivatif. Pihak berkontrak dalam tawarruq hendaklah melibatkan tiga pihak yang terdiri daripada pelanggan, institusi perbankan Islam dan pelabur aset atau pertukaran aset. Pihak berkontrak juga hendaklah jelas dikenal pasti sebagai penjual dan pembeli setiap kontrak jual beli. Dalam hal di mana pihak berkontrak melantik seorang ejen untuk bertindak bagi pihaknya dalam tawarruq, institusi perbankan Islam hendaklah mengenalpasti ejen yang dilantik oleh mana-mana pihak berkontrak. Institusi perbankan Islam hendaklah juga menyataka dengan jelas peranan dan tanggungjawab pihak berkontrak dan jika berkenaan, ejen, dalam setiap kontrak jual beli yang berasaskan tujuan tawarruq (BNM, 2018).

AEON Credit Services Malaysia Berhad menawarkan pembiayaan motorsikal berkuasa rendah dengan menggunakan akad *Al-Ijarah Thumma Al-Bai'*. *Al-Ijarah Thumma Al-Bai'* (AITAB) ini melibatkan dua kontrak berlainan iaitu sewa dan jual beli yang dilaksanakan secara berasingan serta mengikut turutan. Biasanya bank membeli asset dan menyewakannya kepada pelanggan. Pada akhir tempoh sewaan tersebut, pemilikan akan dipindahkan kepada pelanggan dengan melaksanakan kontrak jual beli yang biasanya pada harga yang lebih kurang daripada harga sebenar. Secara realitinya ianya merupakan kontrak yang dimulai dengan sewaan dan diakhiri dengan jual beli (Zakaria & Ab Ghani, 2015). Instrumen kewangan ini sesuai digunakan untuk pembiayaan aset tetap seperti kenderaan bermotor (Dusuki & Abdullah, 2014).

AITAB ialah gabungan akad sewa dengan akad jual beli dalam satu dokumen perniagaan. Di bawah akad pertama, penyewa akan menyewa barang daripada pemilik pada perjanjian sewaan dengan tempoh tertentu. Apabila tamat tempoh sewaan, penyewa menyertai akad kedua untuk membeli barang tersebut daripada pemilik pada harga yang dipersetujui. Oleh itu, AITAB melibatkan tiga pihak iaitu pelanggan, bank dan vendor. (Dusuki & Abdullah, 2014):

- i. Pelanggan mengenalpasti kenderaan yang ingin dimiliki.
- ii. Pelanggan memohon pembiayaan daripada bank untuk mendapatkan kenderaan tersebut.

- iii. Bank membeli kenderaan tersebut daripada vendor atau pembekal kereta, sebagai jawapan daripada arahan pelanggan.
- iv. Kedua-dua pihak menyertai akad ijarah, bank akan menyewakan kenderaan tersebut kepada pelanggan dengan kadar yang dipersetujui untuk tempoh masa yang ditentukan.
- v. Pada akhir perjanjian akad ijarah, bank dan pelanggan akan mengenakan perjanjian jual beli.

Pihak bagi kontrak ijarah ini hendaklah terdiri daripada lebih atau seorang pemberi pajakan atau pemajak. Pihak yang ingin memasuki kontrak ijarah juga boleh menggunakan kontrak ini dengan pelantikan ejen (wakil). Sekiranya aset sewaan adalah dimiliki bersama oleh lebih daripada seorang, persetujuan semua pemilik bersama hendaklah diperolehi sebelum aset tersebut boleh dipajak. Pihak berkontrak hendaklah seorang yang semula jadi atau entiti berkanun yang mempunyai keupayaan sah untuk memasuki sesebuah kontrak ijarah.

Perjanjian kontrak ijarah dengan kontrak jual beli (bai'), seseorang perlulah menjual asetnya dan seterusnya menyewakan aset tersebut daripada penjual. Ianya hendaklah dipatuhi adalah dengan jual beli hendaklah disimpulkan sebelum memasuki kontrak ijarah. Kedua-dua transaksi hendaklah didokumentasikan dalam dua kontrak persaingan dan berbeza di mana setiap kontrak dilaksanakan secara satu-persatu dan kontrak ijarah tidak boleh ditetapkan sebagai syarat atau prasyarat untuk penjualan aset tersebut (BNM, 2018). Pembiayaan AEON Credit Services ini sehingga 60 bulan untuk motorsikal baru dan 48 bulan untuk motorsikal terpakai pada kadar pembiayaan 0.8333 peratus sebulan atau 9.996 peratus setahun.

Koperasi Muslim Malaysia Berhad KMMB juga menawarkan pembiayaan motorsikal menerusi akad Bai' Bithaman Ajil. Kontrak ini merujuk kepada jual beli aset dengan bayaran tertanggung pada harga tertentu (Bank Rakyat, 2022). Aset yang dikehendaki oleh pembeli akan dibeli oleh penjual seterusnya barang tersebut dijual kepada pembeli dengan harga yang dipersetujui termasuklah keuntungan penjual. Pembeli dibenarkan untuk menyelesaikan bayaran secara beransur-ansur dengan tempoh masa yang dipersetujui atau membayar secara penuh. Ianya bersamaan dengan kontrak murabahah tetapi pembayaran adalah berasaskan penangguhan. Pembiayaan ini sesuai untuk modal kewangan gerak kerja, aset tetap yang dibeli, projek kewangan dan sebagainya (Dusuki & Abdullah, 2014).

Mekanisme pembiayaan kenderaan BBA adalah mengikut turutan (Dusuki & Abdullah, 2014):

- i. Apabila pelanggan ingin membeli sebuah kenderaan daripada pembekal kenderaan, dia hendaklah deposit atau sejumlah duit kepala. Setelah melakukan pembayaran tersebut, pelanggan memegang pemilikan terhadap kenderaan tersebut.
- ii. Dengan pemilikan itu, pelanggan boleh terus ke perbankan Islam untuk pembiayaan baki lebihan yang hendak dibayar kepada pembekal kenderaan. Dari sini, bank akan membuat perjanjian dengan pelanggan untuk menjadikan kenderaan tersebut sebagai hak milik bank dengan membeli kenderaan tersebut mengikut harga baki lebihan tadi.
- iii. Setelah bank memiliki kenderaan tersebut, bank akan menjual balik kenderaan tersebut dengan pelanggan dengan harga lebih tinggi dari baki lebihan secara tangguh. Harga jualan baharu ini adalah berdasarkan perkiraan kadar faedah yang digunakan oleh perbankan konvensional.
- iv. Pelanggan akan menyambung untuk memenuhi tanggungjawabnya untuk membayar harga kereta tersebut secara ansuran untuk tempoh pembiayaan tertentu sambil pelanggan meneruskan pemilikan dan menggunakan kenderaan tersebut.

Kadar pembiayaan Koperasi Muslim Malaysia ini sehingga 4% setahun dan tempoh pembiayaan sehingga 10 tahun. Bagi pembiayaan kurang daripada 5 tahun, kadarnya adalah sebanyak 3%.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Kami mendapati pihak yang memberikan kemudahan kepada orang ramai membeli motorsikal berkuasa rendah secara berhutang melalui pinjaman konvensional lebih ramai berbanding pembiayaan secara patuh syariah yang agak terhad dan tidak meluas. Jumlah besar itu disumbangkan kemudahan pinjaman oleh syarikat-syarikat kredit konvensional dan pinjaman kedai motor itu sendiri. Kebanyakan kedai motor menjalinkan usahasama dengan syarikat-syarikat kredit ini. Penjualan motorsikal berkuasa rendah sangat bergantung kepada kemudahan pinjaman. Penjual mempunyai pilihan yang terhad untuk melancarkan penjualan stok motorsikal masing-masing jika tidak bekerjasama dengan syarikat-syarikat kredit.

Faktor kemudahan urusan mendapatkan pinjaman juga memberikan kelebihan kepada pinjaman loan konvensional untuk menjadi pilihan ramai. Syarat-syarat bagi mendapatkan kemudahan pinjaman konvensional lebih mudah dan cepat, terutama pinjaman kedai motor. Sampai ke suatu peringkat pemohon tidak perlu pun memberikan dokumen bukti pendapatan. Cukup sekadar salinan kad pengenalan pembeli dan dua waris terdekat. Situasi ini dipengaruhi juga oleh majoriti penjual motosikal yang majoritinya bukan Islam yang tidak terikat dengan ketetapan halal dan haram dalam muamalat.

## **PENUTUP**

Kemudahan pinjaman motorsikal berkuasa rendah ini dikuasai oleh penyedia perkhidmatan konvensional. Perkhidmatan mereka lebih meluas, lebih mudah dan lebih menarik para pembeli yang ingin membuat pinjaman untuk membeli motorsikal. Dari segi pakej pinjaman, biarpun tidak jauh berbeza kadar faedah, jangkauan pengguna lebih dekat dengan pinjaman konvensional kerana faktor penawaran yang meluas di hampir semua kedai-kedai motor.

Kajian ini mencadangkan agar institusi kewangan Islam mencipta lebih banyak produk pembiayaan jual-beli motosikal berkuasa rendah yang patuh syariah dan menjalinkan kerjasama dengan pemilik kedai kedai motorsikal seluruh negara serta mempergiatkan kempen memperkenalkan produk tersebut melalui pelbagai saluran yang ada. Semoga pembeli dipermudahkan untuk memilih produk pembiayaan yang terbaik untuk mereka dan pembeli beragama Islam, mempunyai pilihan yang lebih luas dalam melaksanakan urusan muamalat mereka dengan cara yang diredhai Allah.

## **RUJUKAN**

Arif Aiman, A. (2022, March 15). 'Bunga' motor bunuh B40, caj sehingga 50 peratus. Utusan Malaysia. Retrieved May 15, 2023, from <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/03/bunga-tinggi-motosikal/>

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Kamus Bahasa Melayu. Carian Umum. Retrieved May 15, 2023, from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=motosikal>

Irwan Asri, M. N. (2018, March 31). Kenapa Malaysia suka kapcai? Kenapa bukan skuter seperti Indonesia dan Thai? Mekanika. Retrieved May 15, 2023, from

<https://www.mekanika.com.my/kenapa-malaysia-suka-kapcai-kenapa-bukan-skuter-seperti-in-donesia-dan-thai/>

Kementerian Pengangkutan Malaysia. (2022). Statistik Pengangkutan Malaysia. Ministry of Transport Malaysia. Retrieved May 15, 2023, from <https://www.mot.gov.my/my/Statistik%20Tahunan%20Pengangkutan/Statistik%20Pengangkutan%20Malaysia%202021.pdf>

Kerajaan Malaysia. (2013). Akta Pengangkutan Jalan 1987. Undang-undang Malaysia. Retrieved May 15, 2023, from <https://www.mpbp.gov.my/sites/default/files/aktapengangkutanjalan.pdf>

Mohd. Farhan, A. (2022, January 2). Anda nak beli motorsikal? Ini 9 pilihan yang ada. Mekanika. Retrieved May 15, 2023, from <https://www.mekanika.com.my/anda-nak-beli-motosikal-ini-8-pilihan-yang-ada/>

Motorcycles Data Team. (2023, April 23). Malaysia Motorcycles - Data & Facts 2023. Motorcycles Data. Retrieved May 15, 2023, from <https://www.motorcyclesdata.com/2023/04/23/malaysia-motorcycles/>

Shahriman, H. (2020). Pendapatan dan perbelanjaan isi rumah M40 dan B40 mengikut negeri. Jabatan Perangkaan Malaysia. Retrieved May 15, 2023, from [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6\\_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM\\_BPHP\\_P\\_3-2020\\_Siri\\_28.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM_BPHP_P_3-2020_Siri_28.pdf)

Shawn. (2020, February 9). Jualan Motosikal Malaysia ke-14 Terbesar Dunia, Yamaha dan Honda Kuasai Pasaran. PanduLaju. Retrieved May 15, 2023, from <https://pandulaju.com.my/jualan-motosikal-malaysia-ke-14-terbesar-dunia-yamaha-dan-honda-kuasai-pasaran/>

Zulkifli, M. (2023, March 8). Pengelasan T20, M40, B40 bukan kasta. Kosmo Digital. Retrieved May 15, 2023, from <https://www.kosmo.com.my/2023/03/08/pengelasan-t20-m40-b40-bukan-kasta/>

Asyraf Wajdi Dusuki & Irwani Nurdianawati Abdullah. 2014. Fundamentals of Islamic Banking. Kuala Lumpur: IBFIM.

BNM. 2010. Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

Mohd Hafiz Haji Fauzi, Muhamad Fadli Abdullah, Nurul Aiman Abdul Basik & Wan Hanan Hanim Wan Mohamad. 2022. Perbankan Islam untuk Bukan Islam dari Perspektif Syariah. Kuala Lumpur: Bank Muamalat Malaysia Berhad.

Mustafa Dakian. 2005. Sistem Kewangan Islam: Instrumen, Mekanisme dan Pelaksanaannya di Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

<https://jcl.my/>

<https://www.chailease.com.my/>

<https://www.parksoncredit.com.my/>

<https://www.aeoncredit.com.my/>

<https://www.koptnb.com/>

<https://koperasimuslimin.com.my/pembiayaan-motosikal/>

[https://www.bankrakyat.com.my/c/perbankan/pembiayaan\\_i/pembiayaan\\_kenderaan\\_i\\_motosikal\\_berkuasa\\_rendah-24/auto](https://www.bankrakyat.com.my/c/perbankan/pembiayaan_i/pembiayaan_kenderaan_i_motosikal_berkuasa_rendah-24/auto)



